

**SULIT**

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN  
KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH**

**MODUL II**

**HADITH-HADITH MENGENAI  
PERKAHWINAN & KEKELUARGAAN**

**OGOS 2017**

**MASA : 1 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA PESERTA:**

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.

(Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak termasuk muka hadapan)

**Arahan : Jawab SATU (1) soalan sahaja****Soalan Pertama**

Baca hadis berikut dan jawab soalan yang diberikan.

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ هِنْدَ بِنْتَ عُتْبَةَ قَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أَبَا سُفْيَانَ رَجُلٌ شَحِيحٌ، وَلَيْسَ يُعْطِينِي مَا يَكْفِينِي وَوَلَدِي إِلَّا مَا أَخَذْتُ مِنْهُ وَهُوَ لَا يَعْلَمُ، فَقَالَ خُذِي مَا يَكْفِيكِ وَوَلَدَكَ بِالْمَعْرُوفِ.

Daripada Aishah bahawasanya Hind binti Utbah berkata: “Wahai Rasulullah! Sesungguhnya Abu Sufian seorang yang kedekut. Dia tidak memberikan kepada aku apa yang mencukupi aku dan anakku kecuali apa yang aku telah ambilnya tanpa pengetahuan dia. Lalu Rasulullah saw menjawab: “Ambillah apa yang mencukupi kamu dan anak kamu dengan jalan yang ma`ruf”.

Terangkan maksud ungkapan berikut dalam hadith Bukhari di atas mengikut soalan yang dikemukakan.

(1) Perbezaan شَحِيحٌ kedekut dengan بَخِيلٌ bakhil. Terangkan.

(5 markah)

(2) Huraikan maksud بِالْمَعْرُوفِ dengan ma`ruf dalam ungkapan hadith خُذِي مَا يَكْفِيكِ وَوَلَدَكَ بِالْمَعْرُوفِ. Ambillah apa yang mencukupi kamu dan anak kamu dengan ma`ruf.

(5 markah)

(3) Adakah boleh membuka keaiban seseorang seperti yang dilakukan oleh Hind binti Utbah?

Huraikan.

(5

markah)

(4) Hadith ini diletakkan dalam konsep kekeluargaan Islam. Bagaimanakah anda mengaitkan hadith ini dengan konsep kekeluargaan Islam. Huraikan.

(10 markah)

[ 25 Markah ]

**Soalan Kedua**

**Baca hadis berikut dan jawab soalan yang diberikan.**

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَوْ كُنْتُ أَمِيرًا أَحَدًا أَنْ يَسْجُدَ لِأَحَدٍ  
لَأَمَرْتُ الْمَرْأَةَ أَنْ تَسْجُدَ لِزَوْجِهَا.

Daripada Abu Hurairah ra, daripada Nabi saw, telah bersabda baginda saw: “Kalaulah aku ingin perintahkan seseorang untuk sujud kepada seseorang yang lain nescaya akanku perintahkan isteri untuk sujud kepada suaminya”. (Hadith sahih riwayat Tirmizi)

(1) Hadith ini diucapkan di kala Muaz bin Jabal pulang dari Sham. Huraikan jalan ceritanya.

(10 markah)

(2) Adakah perintah memberikan ketaatan kepada suami dianggap sebagai tidak adil? Bincangkan.

(15 markah)

[ 25 Markah ]